

KOLEKSI BANGAU PERAHU DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA: TEMA DAN MAKNA

(THE COLLECTION OF 'BANGAU' (SAIL GUARD) IN DEPARTMENT OF MUSEUM MALAYSIA: A STUDY OF THEME AND CONTENT)

Mohd Nasrulamiazam Mohd Nasir & Asyaari Muhamad

Abstrak

Artikel ini membincangkan kajian tentang “bangau” yang merupakan salah satu objek hiasan utama pada perahu nelayan di Pantai Timur pada ketika dahulu. Bangau menjadi simbol kepada semangat perahu selain merupakan aksesori yang menonjolkan keindahan pada sesebuah perahu. Bentuk dan tema bangau pada sesebuah perahu memberikan pemaknaan tertentu pada pemilik perahu dan para nelayan. Kajian ini menumpukan pada koleksi bangau pada perahu yang dimiliki oleh Jabatan Muzium Malaysia. Ia merupakan antara koleksi kebudayaan yang paling penting dalam memerihalkan tentang latar budaya dan kehidupan masyarakat Melayu khususnya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Berdasarkan analisis yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji mendapati terdapat lima tema utama yang digunakan pada koleksi bangau yang dimiliki oleh Jabatan Muzium Malaysia. Tema-tema tersebut ialah tema burung, wayang kulit, makara, haiwan mitologi dan sulur daun.

Kata kunci: Koleksi Bangau, Tema Burung, Makara, Wayang Kulit, Haiwan Mitologi dan Sulur

Abstract

This article is discussing 'bangau' as one of the elements in boat decorations for the fishing boats in the Malaysian East Coast back in the day. Bangau has long since become a symbol of the 'spirit of the boat' and also acts as a decorative object in accessorizing boats; to fully display their beauty. The shape and theme of the bangau on a fishing boat have an intended meaning to it, to the boat owners and fishermen alike. This research focuses on the bangau collection of the National Museum of Malaysia. As one of the most important collections involving culture, through them, we can dissect and understand the cultural background and day-to-day lives of the Malays especially people from the east coast. Based on the analysis of this study, the researcher found out that there are 5 major themes that were documented in the collection. The themes are as follows; birds, 'wayang kulit', 'makara', mythological beings and tendrils on plants.

Keywords: Bangau Collection, Birds Theme, Makara, Wayang Kulit, mythological beings and tendrils on plants.

PENGENALAN

Di pantai Timur Semenanjung Malaysia, penggunaan perahu dalam kehidupan seharian khususnya aktiviti kelautan menjadi suatu tradisi penting dalam masyarakatnya. Bermula daripada kelas atasan hinggalah kepada golongan rakyat biasa, perahu menjadi kenderaan yang paling berguna dalam sejarah dan kebudayaan masyarakat. Bagi para nelayan di Pantai Timur, perahu merupakan kenderaan utama dalam mendapatkan sumber rezeki. Justeru itu, perahu dianggap sebagai kenderaan yang perlu kepada 'semangat' bagi memberi 'tuah' atau hasil tangkapan yang banyak. Semangat dan tuah ini sememangnya berkait dengan pandang dunia (*world-view*) dan kepercayaan mereka terhadap alam sekeliling. Menurut Thomas M. Frazer, Jr. dalam sebuah kajiannya *Rusembilan: A Malay fishing village in Southern Thailand* menyatakan bahawa:

"Each time a kolek launched after being keep on the beach during the bright moon, a small ceremony is held by steerer and crew. The steerer rubs lime juice and commercial face powder on inside and outside of the kolek and decorates the end pieces with flowers and ribbons to please the sea spirit or "extra something" although it is actually "God who gives us the fish"

(Thomas M. Frazer, Jr. 1960: 50)

Berdasarkan perkara ini, ianya menjelaskan bahawa fungsi perahu bukan sahaja sebagai kenderaan untuk menangkap ikan tetapi juga berperanan menjadi simbol penghubung di antara alam laut dengan kehidupan masyarakat. Nama-nama seperti Payang, Kolek, Buatan Barat, Gelibat, Sekoci dan Bedar merupakan antara perahu yang sering digunakan oleh para nelayan di Pantai Timur pada masa dahulu. Paling ketara, pada setiap perahu yang digunakan oleh para nelayan ini mereka meletakkan beberapa hiasan tertentu pada setiap perahu mereka. Hiasan-hiasan ini diukir dan diwarnakan dengan tema dan motif tertentu yang sesetengahnya kelihatan begitu menonjol pada sesebuah perahu. Peletakan hiasan-hiasan perahu dilihat bukan sekadar untuk mencantikkan perahu malah ia menjadi suatu 'pelindung' kepada sesebuah perahu.

Menurut Farish Noor dan Eddin Khoo (2003), dalam kepercayaan tradisi, aktiviti menangkap ikan di laut sering di selubungi dengan risiko bencana ribut dan gangguan dewa-dewa laut yang jahat, maka pelbagai jenis perlindungan perlu disediakan. Peralatan yang dianggap pelindung kepada sesebuah perahu merupakan beberapa bentuk hiasan yang letakkan di hadapan perahu seperti bangau, okok dan caping. Dalam hal ini, dekorasi yang paling menonjol pada sesebuah perahu sama ada jenis Payang, Kolek, Sekoci, Jalora, Bedar mahupun jenis Buatan Barat ialah bangau. Meskipun terdapat dekorasi lain seperti caping, koyan dan sangga, namun bangau dilihat sebagai simbol utama pada perahu-perahu tradisional di Pantai Timur. Objek dekorasi ini dianggap sebagai 'semangat' pada sesebuah perahu. Apatah lagi apabila dekorasi ini dibentuk dengan tema-tema seperti sulur, makara, naga, angsa, burung bangau, dan watak-watak wayang kulit Mahabratana dan cerita Panji. Selain daripada tema, kedudukan bangau sekiranya dilihat dari pandangan hadapan, bangau sentiasa berada di sebelah kanan sebagai objek tuah pada perahu. Dalam masa yang sama, bangau yang diletakkan pada perahu sering akan digandingkan bersama okok di sebelahnya. Dengan kedudukan yang bertentang dan saiz yang lebih kecil okok dilihat pasangan pelengkap bangau.

Di sisi yang lain, objek bangau merupakan artifak yang lebih difahami sebagai budaya material. Lantaran itu jugalah, objek bangau telah dijadikan salah satu daripada artifak yang sinonim dengan kebudayaan maritim masyarakat Melayu. Menurut Juhasniza Musa (2008), asas penubuhan muzium ini (Muzium Negara) adalah untuk mengumpul pengetahuan mengenai sejarah dan warisan budaya masyarakat di negara ini dalam bentuk kebendaan ataupun *material culture*. *Material culture* itu pula akan dipelihara, dilindungi secara sistematik supaya dapat kekal lebih lama dan pengetahuan mengenainya dapat disebarkan kepada masyarakat sebagai salah satu sumber pendidikan. Maka, selaras dengan hasrat inilah salah satu fungsi utama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) ialah mendapatkan koleksi bagi tujuan tersebut. Justeru itulah, kegiatan perolehan terhadap koleksi hiasan perahu khususnya bangau dan okok bermula sejak awal penubuhan Muzium Negara pada tahun 1963. Mubin Shepard (1963), beliau telah memerihalkan reka bentuk, motif dan asal objek bangau pada sesebuah perahu termasuklah koleksi bangau dan okok yang dipamerkan di Muzium Negara

pada masa itu. Sebahagian koleksi bangau ini pernah menjadi artifak di galeri kebudayaan muzium negara pada masa itu. Sehingga hari ini, JMM memiliki koleksi bangau yang paling banyak iaitu sebanyak 60 item. Himpunan objek ini merupakan antara koleksi bangau yang unik dan amat sukar ditemui pada masa sekarang. Ini kerana koleksi bangau yang dimiliki oleh JMM mempunyai reka bentuk yang pelbagai serta ianya mewakili beberapa jenis perahu yang pernah digunakan di Pantai Timur pada masa dahulu umpamanya Payang, Payang Buatan Barat, Sekoci, Kolek, Kolek Kue, Jalora dan Bedar.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pada hakikatnya, peranan muzium tidak hanya sebagai tempat pameran dan penyimpanan artifak semata-mata. Muzium mempunyai peranan yang penting dalam melindungi, memelihara serta merawat koleksi sebagai bahan yang dapat digunakan dalam proses pembelajaran. Begitu juga dengan kegiatan pengurusan sesebuah muzium, tiga elemen penting yang menjadi nadi dalam dunia permuziuman ialah muzium, koleksi dan masyarakat. Justeru, sebagai badan yang menguruskan perjalanan muzium, koleksi akan menjadi sumber maklumat manakala pihak pelawat akan menerima maklumat daripada sesebuah koleksi. Susan M. Pearce (1993), menyatakan bahawa mengkaji objek sebagai artifak menghubungkan suatu perspektif yang mana budaya material dapat dilihat bergerak secara keseluruhan dalam masyarakat. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa muzium berperanan dalam memberi makna, nilai dan maklumat tentang sesebuah artifak. Pemaknaan ini memerlukan suatu kajian yang teliti kerana koleksi yang mempunyai maklumat yang lengkap dapat memberi suatu kepuasan kepada pelawat ke sesebuah muzium.

Di JMM, koleksi bangau merupakan salah satu kumpulan artifak yang digolongkan dalam senarai koleksi etnologi. Koleksi etnologi merupakan koleksi yang memiliki latar belakang khusus berhubung dengan warisan kebudayaan masyarakat dan sejarah negara. Berdasarkan rekod perolehan koleksi JMM, perolehan koleksi bangau dan lain-lain hiasan berkait dengan perahu telah dilaksanakan sejak tahun 1963 sehingga tahun 1976. Mubin Sheppard (1963), antara artifak yang dipamerkan dalam galeri kebudayaan sewaktu pembukaan Muzium Negara pada 1963 ialah objek bangau. Sebelum itu, Syed Ahmad Jamal (1979), menerusi pameran 'Rupa dan Jiwa' yang diadakan di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya turut menjadikan objek bangau milik JMM ini sebagai salah satu artifak pameran. Koleksi bangau ini juga pernah dipamerkan dalam pameran 'Merentas Samudera' dan pameran 'Spirit of Wood' pada tahun 2004 dan 2005 anjuran JMM sendiri.

Meskipun koleksi bangau perahu sering dikaitkan dengan simbol kebudayaan dan artifak pameran bagi sesebuah muzium, namun perbincangan khusus mengenainya terutama berhubung dengan tema, makna dan motifnya agak terbatas. Sehingga kini, tidak ada satu kajian khusus yang lengkap dan terperinci tentang bangau dalam senarai inventori di JMM. Oleh kerana bilangan koleksi etnologi yang terlalu banyak, tumpuan khusus untuk mengkaji objek seperti bangau menjadi agak terhad. Akan tetapi objek bangau sering digandingkan dengan kajian dan pameran berhubung dengan jenis-jenis perahu ataupun kajian berkait dengan kraf Melayu. Di repositori Jabatan Muzium Malaysia, koleksi bangau yang di himpun sejak tahun 1963 hingga 1976 ialah sebanyak 62 koleksi. Bilangan ini merupakan senarai koleksi yang terbanyak berbanding koleksi bangau di Muzium Negeri Terengganu, Kelantan mahupun Pahang. Meskipun Mubin Shepard pada tahun 1963 dan 1972 ada membuat catatan tentang bangau di JMM, namun ianya lebih menyentuh kepada bentuk dan simbol bangau secara umum dan tidak mengikut senarai inventori bangau yang dikumpulkan pada masa itu. Beliau cuma memberi beberapa contoh koleksi yang terdapat di Muzium Negara namun tidak secara satu persatu. Bertolak dari hal inilah, pengkaji merasakan bahawa koleksi bangau yang disimpan di repositori muzium perlu diperincikan secara menyeluruh terutamanya dari aspek reka bentuk tema, motif serta makna sesebuah artifak bangau.

OBJEKTIF KAJIAN

Menurut Syed Ahmad Jamal (1979), menyatakan bahawa antara ciptaan-ciptaan seni bentuk Melayu yang terutama ialah Bangau yang mempunyai peranan sebagai simbol tampak perhubungan penting kebudayaan Melayu dengan laut dan sebagai lambang semangat perahu Melayu, selain daripada

hiasan yang berbentuk indah. Norazit Selat (1994), menyatakan bangau merupakan ukiran pada bahagian haluan perahu kerana bentuk penciptaannya menyerupai seekor kepala burung bangau. Bangau hanya terdapat pada perahu kecil nelayan yang menggunakan dayung dan layar. Antara perahu nelayan yang memiliki bangau termasuklah kolek, bedar, sekoci, kolek kue dan payang

Nama bangau diambil bersesuaian dengan sifat burung bangau yang suka duduk di atas kerbau sambil memerhatikan ikan di dalam sawah. Sifat bangau yang memakan ikan menjadi inspirasi kepada para nelayan untuk menjadikan bangau sebagai simbol untuk mereka mencari rezeki di laut serta mendapat tangkapan yang banyak. Secara umum, reka bentuk bangau yang dilihat seperti huruf 'S' secara simbolik menggambarkan sifat leher burung bangau yang sedang menangkap ikan (Nik Hassan Shuhaimi 2010). Namun Coatalen (1982) menyatakan bahawa bangau adalah manifestasi daripada beberapa kosmologi masyarakat Melayu iaitu kedudukan burung bangau dan simbol jari dalam kepercayaan Hindu-Buddha. Farish Noor & Eddin Khoo (2003), pula merujuk bangau sebagai suatu bentuk transformasi bentuk asal makara kepada bentuk abstrak yang disamakan dengan motif bunga dan tumbuhan.

Mubin Shepard (1963), bangau pada perahu disebut sebagai penjaga perahu (*sail guard*). Ini kerana kedudukan bangau yang terletak pada bahagian hadapan perahu begitu menonjol terutamanya daripada segi rupa bentuk tema dan motifnya. Tema-tema ukiran ini memberi pengertian simbolik berhubung dengan alam laut, iaitu 'semangat' dan 'pelindung' kepada perahu ketika para nelayan berada di tengah laut. Justeru itulah, bangau diukir dengan tema seperti makara, burung, haiwan mitologi dan tumbuhan abstrak (sulur). Tema-tema yang dihasilkan ini merupakan satu manifestasi daripada sistem kepercayaan masyarakat Melayu pada ketika itu terhadap persekitaran mereka khususnya alam laut. Bertitik tolak daripada inilah, maka salah satu objektif kajian ini ialah meneliti jenis-jenis reka bentuk tema dan simbol pada koleksi objek bangau perahu yang berada di repositori Jabatan Muzium Malaysia.

Farish Noor & Eddin Khoo (2003), penciptaan objek bangau pada perahu nelayan di pantai timur amat berkait rapat dengan tradisi seni ukiran kayu. Perkembangan seni ukiran kayu khususnya di Kelantan dan Terengganu telah mula dikesan sejak awal abad ke 14 mempunyai kaitan rapat dengan falsafah dan kepercayaan masyarakat setempat. Kemunculan motif-motif ukiran Melayu umpamanya kala, makara, naga, garuda, stupa, gunung dan teratai amat bertaut rapat dengan falsafah dan kepercayaan masyarakat pada masa itu. Motif-motif ini kemudiannya diterapkan dalam pelbagai artifak ukiran kayu seperti hulu keris, nisan kubur, pintu gerbang, kukur kelapa, jebak puyuh, acuan putu dan termasuklah hiasan perahu seperti bangau, okok, caping, koyang dan sangga. Maka matlamat kajian yang kedua ialah untuk memahami makna tersirat di sebalik penciptaan objek bangau sebagai hiasan perahu.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Data kajian ini terbahagi kepada dua iaitu data primer dan data sekunder. Data sekunder merangkumi kajian lepas dan pelbagai wacana ilmiah yang dianggap relevan kepada topik kajian yang diperolehi melalui tinjauan perpustakaan.

Data primer dikumpul melalui kerja lapangan. Melalui cara ini, pengkaji telah turun ke lapangan untuk mengumpulkan data dan menjalankan kajian. Sebelum itu, pengkaji telah mengenal pasti subjek kajian serta kawasan kajian yang bakal dikaji. Bagi penyelidikan tentang koleksi bangau ini, penyelidik telah menjalankan proses pengutipan data di Repositori Jabatan Muzium Malaysia iaitu dengan menumpukan kepada 60 keping objek bangau.

Selain itu, kerja lapangan kajian ini melibatkan kaedah temu bual informan yang relevan dengan tajuk yang dikaji. Justeru itu, penyelidik telah menemu bual dengan beberapa orang ahli guru ukiran kayu, pembuat perahu dan pakar permuziuman. Di samping itu, penyelidik telah menjalankan rakaman fotografi di dalam Repositori serta di beberapa lokasi seperti di Pantai Sabak dan Pantai Sri Tujuh di Kelantan, Muzium Negeri Kelantan, Muzium Negeri Terengganu dan Muzium Negeri Pahang. Selain itu, pengkaji juga turut meninjau beberapa galeri peribadi iaitu

Akademi Nik Rashiddin (ANR) di Kandis, Kelantan dan Seni Ukir Bakawali di Kampung Raja, Besut, Terengganu.

Data-data yang dikumpul dalam kajian ini akan dianalisis melalui teknik statistik deskriptif iaitu suatu kaedah penyusunan, menghurai dan meringkas maklumat yang dikumpul bagi membolehkan pengkaji membuat rumusan tentang subjek yang dikaji.

Data Primer

1.1 Temu bual

Kaedah ini telah membantu pengkaji melakukan penghuraian dengan lebih mendalam lagi. Pengkaji telah menemui beberapa informan penting yang dapat membantu pengkaji dalam melengkapkan data kajian. Mereka adalah individu yang terlibat secara langsung dengan dunia ukiran, permuziuman serta aktiviti sejarah dan kebudayaan khususnya berhubung dengan sejarah di pantai timur Semenanjung Malaysia. Pengkaji memulakan sesi temu bual dengan responden dari bulan Mac 2015 hingga Oktober 2015.

Setiap informan yang dipilih merupakan mereka yang pakar dalam bidang yang berkait dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji memulakan temu bual dengan tokoh yang berkait dengan ukiran yang mempunyai kepakaran khusus dalam menghasilkan ukiran serta mengumpulkan koleksi-koleksi yang berkait dengan sejarah ukiran kayu di pantai timur. Informan yang mempunyai kepakaran dalam bidang ukiran dan koleksi ukiran kayu ialah Encik Noorhaiza Nordin pemilik Seni Ukir Bakawali, Besut, Terengganu dan Puan Rosnawati Othman pengasas Akademi Nik Rashiddin, Kandis, Kelantan.

Manakala tokoh yang ditemu bual oleh pengkaji berhubung dengan sejarah dan kebudayaan pantai timur ialah Encik Siri Nieng Buah iaitu tokoh warisan hidup dalam bidang budaya dan Encik Nik Hilmi Nik Abdul Rahman iaitu cucu kepada Pak Nik Man, Bomoh Raja Kelantan. Pak Nik Man merupakan informan penting bagi Coatalen dalam kajiannya tentang hiasan perahu di Kelantan pada awal 1980-an.

Dalam bidang permuziuman pula, pengkaji telah menemu bual dua orang tokoh muzium yang mengetahui tentang koleksi bangau di muzium. Mereka ialah Tuan Haji Yusoff Abdullah (Ketua Pengarah Muzium Negeri Terengganu) serta Datuk Shahrum Yub (Mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia). Kesemua informan yang ditemui merupakan mereka yang terlibat secara langsung dalam kajian serta pengumpulan bangau di pantai timur. Segala maklumat dan pandangan yang diberikan oleh para informan ini amat berguna dalam memperkayakan lagi sumber dalam memantapkan fakta bagi tajuk yang dikaji oleh penyelidik.

1.2 Fotografi

Teknik fotografi digunakan dalam kajian ini untuk tujuan mendokumentasikan koleksi bangau secara teliti berkait dengan tema dan motif. Pengkaji telah menggunakan kamera jenis Canon D450 untuk merakam koleksi bangau JMM serta proses pengumpulan data di lapangan di pantai timur.

1.3 Pemerhatian

Kajian ini turut menggunakan kaedah pemerhatian dan penelitian terhadap koleksi bangau dan lain hiasan perahu nelayan pantai timur yang berkait dengan topik kajian. Pemerhatian dilakukan ke atas 60 artifak bangau yang dimiliki oleh JMM yang sebahagian besarnya masih disimpan di Repositori JMM. Pemerhatian pengkaji ke atas koleksi bangau ini ditumpukan kepada tema, motif serta data-data awal perolehan berdasarkan rekod inventori koleksi JMM. Selain daripada pemerhatian di Repositori JMM, pengkaji turut membuat pemerhatian di beberapa lokasi di pantai timur seperti di Pantai Sri Tujuh Tumpat, Kelantan, Kampung Pulau Gajah, Kota Bharu Kelantan, Kuala Besut,

Besut Terengganu, Akademi Nik Rashiddin, Bachok Kelantan, Galeri Seni Ukir Bakawali, Besut, Terengganu, Muzium Terengganu, Muzium Kelantan dan Muzium Pahang.

Data Sekunder

1. Penyelidikan Perpustakaan

Wan Abdul Kadir (2008), kaedah pustaka bermaksud penyelidikan yang dijalankan dengan merujuk kepada bahan-bahan bertulis, pita rakaman, video dan seumpamanya yang telah dilakukan oleh orang lain. Kaedah ini boleh dilakukan di perpustakaan, arkib, muzium dan seumpamanya. Dalam hal ini, pengkaji menumpukan penyelidikan perpustakaan sebagai kaedah utama dalam mendapat maklumat dan rujukan tentang objek bangau. Pembacaan buku-buku, dan pengumpulan bahan untuk kajian pemerian dapat diperoleh daripada perpustakaan. Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). Selain daripada itu bahan-bahan juga dapat diperoleh dari perpustakaan Universiti Malaya serta buku-buku koleksi peribadi daripada informan sebagai kajian luar. Bahan pemerian bangau telah diperoleh dari perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia.

2. Latar Belakang Koleksi Bangau

Perolehan koleksi bangau dan hiasan perahu yang lain bermula seawal pembukaan muzium negara pada 1963. Pada waktu itu, mantan Pengarah Muzium Negara iaitu Tan Sri Mubin Sheppard menjadi orang yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua koleksi yang dipamerkan di Muzium Negara. Sewaktu pembukaan muzium negara pada 31 Ogos 1963, koleksi bangau telah dipamerkan di salah satu galeri yang bertemakan kebudayaan. Kegiatan perolehan koleksi ini telah dilakukan dalam beberapa fasa antara tahun 1963 sehingga tahun 1974. Menurut Datuk Shahrum Yub (2015), perolehan koleksi bangau banyak dilakukan di Terengganu berbanding Kelantan. Kegiatan ini pernah dilakukan oleh beliau sendiri sewaktu beliau bertugas sebagai kurator etnologi dengan bantuan kakitangan Muzium Negara yang berasal dari Terengganu. Pada masa itu, tidak banyak lagi para nelayan di pantai timur meletakkan bangau pada perahu. Ini kerana perahu mereka telah mula menggunakan enjin sangkut dan bot-bot fiber. Lantaran itulah bangau hanya disimpan di bawah rumah tanpa sebarang penjagaan.

Koleksi bangau dan lain-lain hiasan perahu sehingga ke hari ini masih diletakkan di bawah koleksi etnologi. Dalam koleksi Etnologi, koleksi bangau dikategorikan sebagai kumpulan artifak kesenian kerana ianya berkait rapat dengan ukiran kayu. Di dalam senarai inventori koleksi JMM, jumlah keseluruhan koleksi yang berkait dengan hiasan perahu ialah sebanyak 90 artifak yang mana sebanyak 62 unit terdiri daripada bangau dan okok. Sebanyak 28 unit adalah terdiri daripada sangga, koyang dan caping. Sebahagian besar koleksi bangau ini disimpan di repositori JMM dan jarang dipamerkan. Koleksi hiasan perahu yang dimiliki oleh JMM ini merupakan koleksi yang paling banyak berbanding dengan koleksi di Muzium Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Pada tahun 2004, JMM telah mengadakan satu pameran yang berjudul 'Merentas Samudera' yang bertemakan sejarah penggunaan kapal dan perahu di Nusantara. Koleksi bangau merupakan antara artifak yang dipamerkan dalam pameran tersebut. Manakala pada tahun 2005, koleksi bangau turut menjadi objek pameran sempena pameran Kayu dan Semangat. Seterusnya koleksi bangau kembali dipamerkan kepada umum sebagai pameran tetap bermula tahun 2013 sehingga ke hari ini di Galeri Etnologi Dunia Melayu.

3. Tema Pada Bangau

Secara konseptual tema ialah gagasan, idea atau pokok fikiran yang ada di dalam sebuah karya seni baik dalam bentuk karya seni rupa dua dimensi mahupun seni rupa tiga dimensi. Dengan memahami tema yang ada pada karya seni rupa kita dapat memahami tujuan penciptaan karya seni rupa tersebut. Tema yang digunakan di dalam karya seni rupa selalu dipengaruhi oleh waktu dan keadaan karya tersebut diciptakan. Umpamanya tema karya seni rupa pada zaman pra-Islam kebanyakan bertumpu kepada tema berasaskan kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha. Begitu

juga dengan tema yang digunakan pada hiasan perahu yang disebut sebagai bangau. Tema-tema yang digunakan untuk bangau sememangnya memberi suatu makna tertentu yang boleh difahami oleh komuniti masyarakat nelayan khususnya di pantai timur. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, didapati terdapat empat tema penting yang selalu menjadi tumpuan pemilik dan tukang perahu di pantai timur Semenanjung iaitu burung, makara (dalam bentuk tumbuhan), wayang kulit dan bangau daun (sulur).

Jadual 1. Bilangan koleksi bangau JMM berdasarkan tema

TEMA BANGAU	BILANGAN
1. Kepala Burung	17
2. Makara	33
3. Binatang Mitos	1
4. Watak Wayang Kulit	7
5. Bangau Daun/Sulur	4
JUMLAH	62

4. Tema Burung

Dalam analisis yang dilakukan oleh pengkaji, reka bentuk tema kepala burung dalam koleksi bangau JMM ialah sebanyak 27.4 peratus. Jumlah peratusan mewakili kepada 17 bangau yang bertemakan burung. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, tema burung yang terdapat pada koleksi bangau JMM boleh diperincikan kepada beberapa jenis burung. Perbezaan reka bentuk ini biasanya dipengaruhi oleh jenis perahu yang menggunakannya. Sebanyak 17 artifak bangau JMM menggunakan tema burung. Pecahan jenis-jenis tema burung adalah seperti berikut:

Jadual 2. Pecahan jenis-jenis burung pada bangau JMM

Jenis-Jenis Burung	Bilangan
1) Kakaktua	3
2) Nuri	3
3) Garuda	2
4) Enggang	2
5) Helang	5
6) Angsa	2
JUMLAH	17



1. Garuda



2. Kakaktua



3. Nuri



4. Helang



5. Nuri



6. Helang



7. Kakaktua



8. Nuri



9. Ansa



10. Ansa



11. Helang



12. Helang



13. Enggang



14. Kakaktua



15. Helang



16. Enggang



17. Garuda

Foto 1. Koleksi bangau tema burung, JMM

5. Makara

Dalam analisis pengkaji ke atas koleksi bangau yang berada di Repositori JMM, terdapat sebanyak 53.2 peratus atau 33 unit bangau yang mempunyai tema makara. Keseluruhan koleksi bangau tema makara ini adalah digunakan oleh perahu jenis payang Buatan Barat. Menurut Siri Neng Buah (2015), Pengaruh buatan barat berasal daripada sebutan 'barat' merujuk kepada kedudukan Kelantan-Patani. Perkataan barat selalu digunakan bukan sahaja pada perahu malah termasuk dalam kesenian lain seperti dikir barat dan wau barat. Dalam sejarah kebudayaan Melayu, hubungan antara Patani dengan Kelantan amat rapat. Boleh dikatakan kebudayaan yang terdapat di Kelantan pada masa sekarang adalah kesinambungan sejarah zaman kerajaan Melayu Patani. Rentetan daripada hal inilah, segala bentuk budaya material di Kelantan mempunyai persamaan dengan kebudayaan di Patani. Bagi pengkaji klasifikasi reka bentuk bangau ini sebagai makara adalah berpandukan kajian yang dilakukan oleh Farish Noor dan Eddin Khoo (2002) yang mengkategorikan bentuk tema bangau ini sebagai makara. Di samping itu juga hasil temu bual pengkaji dengan responden iaitu adi guru seni ukir, Noorhaiza Nordin juga turut mengakui tema yang sama. Berbeza dengan kajian Coatalen (1982), menjelaskan bahawa tema bangau ini dikenal sebagai bangau daun. Jika dilihat secara kasar, tema makara pada bangau tidak begitu menonjol. Ini kerana, tema utama telah ditenggelami oleh motif tumbuhan seperti daun, sulur dan bunga pada keseluruhannya. Penyamaran motif ini amat berkait rapat dengan pengaruh Islam dalam seni ukiran kayu.

6. Koleksi Bangau Tema Makara



1. Uju-Uju



2. Daun Waru (baru)



3. Bayam Peraksi



4. Bayam Peraksi



5. Keladi



6. Uju-Uju



7. Saga Kenering dan pandan



8. Bayam Peraksi



9. Waru (baru)



10. Bayam Peraksi



11. Kerak Nasi



12. Sesayap



13. Bayam Peraksi



14. Bayam Peraksi



15. Bayam Peraksi



16. Uju-Uju



17. Uju-Uju



18. Bayam Peraksi



19. Bunga mawar



20. Bunga Kenanga



21. Bayam Peraksi



22. Uju-Uju



23. waru (baru)



24. Bakawali



25. Keladi



26. Bayam Peraksi



27. Saga Kenering



28. Bayam Peraksi





Foto 2. Koleksi bangau tema makara, JMM



Rajah 1. Transformasi bentuk dan tema makara dalam ukiran Melayu
(Kajian Lapangan 2015)

Dalam mengkaji secara teliti tentang tema makara, pengkaji telah membuat suatu perbandingan transformasi bentuk makara yang pernah wujud dalam sejarah kebudayaan Melayu. Kepala makara A adalah relief yang terdapat di Candi Sambor Preikok, zaman Angkor pada abad ke 7, Manakala makara B ialah kepala makara yang dimiliki oleh Akademi Nik Rashiddin berasal dari Patani abad ke 18, dan C ialah bangau bertemakan makara milik JMM dihasilkan sekitar tahun 1950-an oleh pengukir pantai timur.

7. Wayang Kulit

Penggunaan tema-tema wayang kulit Melayu versi Mahabharata dan cerita panji ini dilihat sebagai suatu manifestasi pengukir bangau untuk menerapkan unsur-unsur spiritual pada sesebuah perahu yang menggunakan tema tersebut. Biasanya jenis perahu yang menggunakan tema-tema berunsurkan wayang kulit Melayu adalah perahu Payang dan Sekoci. Menurut Siri Neng Buah (2015), sedikit sukar untuk mengenali secara tepat nama-nama karektor yang digunakan sebagai tema pada koleksi bangau yang dikaji oleh pengkaji. Ini kerana, watak-watak yang digunakan kurang menonjol dalam permainan wayang kulit Melayu. Namun beliau amat pasti watak-watak tersebut adalah watak-watak cerita Panji yang hampir menyamai watak cerita Mahabharata dan bukan daripada versi Ramayana. Kebanyakan watak digambarkan sebagai watak antagonis dan okok pula diletakkan watak parakawan atau lucu seperti turas atau semar. Sememangnya peletakan watak-watak tersebut seringkali dilihat bertentangan kerana ianya cuba memberi suatu 'keseimbangan atau baik dan jahat'

Berdasarkan data yang diperoleh sebanyak 7 unit daripada koleksi bangau perahu yang dimiliki oleh JMM adalah berasaskan cerita panji. Hal ini telah diakui oleh En. Siri Neng Buah kerana beliau juga mempunyai kepakaran dalam permainan wayang kulit Kelantan. Meskipun beliau mengakui watak-watak yang digunakan adalah daripada cerita panji, namun agak sukar untuk beliau menentukan nama watak-watak yang dijadikan tema pada bangau perahu. Menurut beliau wayang kulit Melayu dari cerita panji ini telah lama pupus persembahannya di kawasan pantai timur khususnya di Kelantan. Berdasarkan watak-watak yang digunakan sebagai tema pada bangau adalah watak-watak yang dimainkan dalam permainan wayang kulit cerita panji yang berusia sekitar 60 tahun hingga 100 tahun yang lepas. Pengakuan yang dilakukan oleh En. Siri Neng Buah ini sememangnya ada kewajarannya. Ini kerana berdasarkan pandangan Datuk Shahrul Yub (2015), perolehan koleksi bangau di JMM bermula dari tahun 1963 sehingga tahun 1975. Rata-rata koleksi hiasan perahu termasuk bangau pada masa itu berusia sekitar 20 tahun hingga 30 tahun. (Rekod Inventori JMM 1975)

Daripada aspek ciri utama mengenal pasti watak tema pada bangau pula, En Siri Neng Buah (2015), menjelaskan bahawa watak-watak cerita panji adalah lebih hampir kepada watak-watak cerita Mahabrata. Watak-watak cerita panji dan Mahabrata dikatakan lebih halus dan lembut sifat nya berbanding dengan watak-watak cerita Ramayana yang lebih kelihatan besar dan kasar sifatnya.

Jadual 3. Jenis Wayang Kulit

Jenis Wayang Kulit	Bilangan
Cerita Panji (wayang Jawa)	7
Ramayana (wayang Siam atau Kelantan)	-
Mahabrata (wayang Melayu)	-
Jumlah	7



1. Cerita Panji
(Temenggung)



2. Cerita Panji



3. Cerita Panji



4. Cerita
Panji



5. Cerita Panji

6. Cerita Panji

7. Cerita Panji
(Ratu)

Foto 3. Koleksi Bangau tema wayang kulit, JMM

8. Haiwan Mitologi

Tema-tema binatang, kebanyakannya dalam bentuk ular atau lebih tepat jelmaan naga dan juga beberapa makhluk reptilia yang berkaitan. Ular memainkan peranan yang penting dalam budaya masyarakat Asia Tenggara terutamanya bagi warga Kemboja dan Siam. Di Tanah Melayu pula, terdapat sebuah esei berjudul *An Analysis of Malay Magic* nukilan Endicott (1970), yang menghuraikan bahawa ular itu ialah sejenis haiwan yang melata dan sentiasa ada, yang boleh dijumpai sama ada di darat atau di laut dan juga di tempat-tempat seperti paya bakau. Ular dipuja oleh orang India dan tidak seperti orang Barat, mereka tidak akan membunuh ular semena-mena jika tiba-tiba muncul di hadapan mereka. Di Kemboja, naga pula dipercayai merupakan penduduk terawal negara tersebut dan Raja Kemboja ditakdirkan untuk melakukan hubungan kelamin dengan *nagi* (ular betina) setiap malam untuk kemaslahatan negara. Naga juga sering dikaitkan dengan air dan kesuburan, di mana mempunyai sifat melata dan sentiasa ada.

Melalui penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, tiada tema naga pada koleksi bangau JMM. Namun begitu terdapat 1 unit bangau perahu kolek buatan barat yang berasal dari Kelantan atau Patani mempunyai set lengkap bersama okok dan koyang. Tema koyang pada koyang ialah naga dan garuda, manakala tema bangau pula ialah garuda dan *bamsa* (angsa Siam).

Foto 4. Tema naga-garuda pada koyang perahu kolek buatan barat
(Kajian Lapangan 2015)



Foto 5. Bangau kolek buatan barat yang bertemakan garuda dan *bamsa* (angsa) versi Siam

9. Bangau Daun (Sulur)



1. Bangau Daun



2. Bangau Daun



3. Bangau Daun



4. Bangau Daun

Foto 6. Koleksi bangau tema sulur, JMM

Hasil analisis yang dilakukan oleh pengkaji, terdapat sebanyak 4 unit bangau JMM yang mempunyai tema bangau daun atau unduk-unduk. Pada kebiasaannya, tema bangau daun ini diletakkan sebagai hiasan untuk perahu jenis kolek bagi para nelayan di Terengganu. Menurut Mubin Sheppard (1963), perahu kolek seperti jenis Kue dan Lincung amat popular di Terengganu khususnya di kawasan antara pantai Kuala Terengganu hingga pantai Kemaman. Terdapat andaian yang menyatakan bahawa tema bangau daun ini dikatakan berasal daripada bentuk kuda laut atau masyarakat di Pantai Timur menyebutnya sebagai unduk-unduk. Bagi masyarakat nelayan di Pantai Timur, kuda laut digambarkan sebagai haiwan yang tenang dan kuat dalam air yang deras. Namun menurut Norhaiza Noordin (2015), tema bangau daun ini lebih sinonim dengan motif sulur tumbuhan yang menjalar seperti kekacang atau timun. Tumbuhan seperti ini biasanya tumbuh atau ditanam oleh masyarakat Melayu sebagai sumber makanan dan kesihatan. Lantaran itulah sulur ini sering menjadi inspirasi para pengukir untuk dijadikan subjek ukiran pada kayu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian dan analisis yang dilakukan terhadap koleksi bangau di JMM pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat penemuan tema-tema yang bersifat benda hidup dan mitologi seperti burung, naga, makara dan watak wayang kulit pada koleksi bangau JMM. Perkara ini menguatkan fakta sejarah dan hujah bahawa alam Melayu terutamanya rantau sebelah Pantai Timur yang turut dipanggil Melayu Timur Laut ini telah melalui fasa animisme dan Hindu-Buddhism sebelum masuki era Islam. Zaman kegemilangan Melayu rantau ini pernah tercatat sebagai kerajaan Langkasuka yang kemudiannya pernah bernaung di bawah kerajaan Sriwijaya pada abad ke tujuh sehingga kepada kerajaan Melayu Patani pada sekitar abad ke 15 dan 16 merangkumi kawasan yang

luas termasuk Kelantan, Terengganu, Patani, Singgora hingga Patalung yang dikenali sebagai Kerajaan Melayu Patani. Rantau ini telah menjadi pusat perdagangan dan pelabuhan utama yang menguasai perairan Asia Tenggara pada abad ke 17 serta menjadi pusat penyebaran Islam semenjak abad ke 16. Kegemilangan empayar Melayu Patani akhirnya dicerobohi oleh tentera Siam pada 1786 setelah sekian lama menyerang dan ini menjadi detik kejatuhannya. (Zamberi Malek 1994:12-38). Penemuan tema-tema yang bersifat pra-Islam adalah saki baki pemikiran lama yang masih wujud pada tukang-tukang perahu dan pengukir-pengukir yang kemungkinan besar hanya dalam bentuk luaran atau fizikal sahaja tanpa membawa makna-makna asal. Dalam masa yang sama, terdapat sinkretisme agama dan kepercayaan oleh masyarakat Melayu dalam penciptaan objek bangau. Pengaruh daripada kepercayaan animisme, Hindu-Buddha dan Islam masih tidak menghalang mereka untuk terus berpegang kepada kepercayaan semangat dan kosmologi.

Pengkaji mendapati terdapat beberapa pertindihan dalam tema dan makna pada keseluruhan koleksi bangau JMM. Ini kerana hampir setiap tema bangau yang dianalisis pengkaji dapati wujud perkaitan rapat dengan pengaruh kepercayaan, agama dan latar sejarah masyarakat Melayu khususnya di Pantai Timur. Tema yang selalu digunakan seperti motif flora pada tema makara ialah bentuk tumbuh-tumbuhan yang digunakan sentiasa hampir sama dan hanya terdapat sedikit perbezaan daripada penyusunan seperti daun Melayu seperti beberapa motif daun tajam hampir kelihatan seperti daun keladi, menggambarkan perbezaan yang sangat kecil antara bangau Terengganu, Kelantan dan Pahang. Motif-motif ini juga turut menjadi pilihan pengukir untuk mengukir objek lain selain daripada bangau.

Selain itu, penciptaan bangau sebagai objek hiasan perahu merupakan cerminan kepada pemikiran dan budaya masyarakat Melayu pada sesuatu zaman. Perkara inilah yang mendorong sesebuah muzium untuk menilai bahawa objek sebegini adalah suatu bentuk budaya material yang pada akhir memberi makna yang tinggi kepada kebudayaan sesebuah bangsa khususnya bangsa Melayu. Rentetan daripada hal inilah yang menjadikan artifak bangau masih relevan sebagai simbol kesenian dan kebudayaan bangsa sehingga ianya diabadikan dalam pelbagai tempat termasuklah pada mata wang, mural, pintu gerbang serta subjek lukisan.

RUJUKAN

- Farish A. Noor & Eddin Khoo. 2003. *Spirit of Wood: The art of Malay woodcarving*. Singapore: Periplus Edition (HK) Ltd.
- Juhasniza Musa. 2008. Sejarah perkembangan Muzium Negara dari tahun 1963 hingga 2004. Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Kirk Michael Endicott. 1970. *An analysis of Malay Magic*. Oxford: Clarendon Press.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1994. *Patani dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mubin Sheppard. 1972. *Taman Indera: A royal pleasure ground Malay decorative art and pastimes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mubin Sheppard. 1963. Bangau: the decorative guards for sails and spars on Malay fishing boats. *Federation Museums Journal* VIII: 1-12.
- Norazit Selat. 1994. *Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul J. Coatalen. 1982. *The decorated boats of Kelantan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Rekod Inventori Muzium Negara (Etnologi). Vol. I. 1975.
- Susan M. Pearce. 1993. *Museum, object and collection*. USA: Smithsonian Books.
- Syed Ahmad Jamal. 1979. *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Thomas M. Frazer Jr. 1960. *Rusembilan: A Malay fishing village in Southern Thailand*. New York: Cornell University Press.
- Wan Abdul Kadir. 2008. *Pengkaedaban penyelidikan pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Zawiyah Baba. 2010. Seni Ukiran Melayu Sebagai Hiasan pada Perahu Tradisional di Semenanjung Malaysia. Dlm. *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu*, disunting oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).

Temubual

- Datuk Shahrum Yub. 2015. Sejarah penubuhan Muzium Negara dan perolehan koleksi. Kuala Lumpur. 20 Januari.
- Norhaiza Noordin. 2015. Sejarah, falsafah dan jenis-jenis tema bangau pada perahu. Besut, Terengganu. 14 Mei dan 30 Ogos.
- Siri Neng Buah. 2015. Sejarah Kebudayaan Melayu Pantai Timur. Tumpat, Kelantan. 22 Mac.

Mohd Nasrulamiazam Mohd Nasir
Institute of Malay World & Civilization,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: nasrulamiazam@jmm.gov.my

Asyaari Muhamad, (PhD)
Associate Professor
Institute of Malay World & Civilization,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: asyaari@ukm.edu.my

Received : 4 May 2018
Accepted : 4 June 2018